

SULIT



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

HSA505 – Sejarah Asia: Intelektual dan Arus Perubahan

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Jawab SATU (1) soalan sahaja daripada setiap Bahagian A, B dan C.

Jika calon menjawab lebih daripada TIGA (3) soalan, hanya TIGA (3) soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-

SULIT

- 2 -

Bahagian A

1. Analisiskan tindak balas dan perubahan sikap golongan terpelajar China dalam pergolakan dan perkembangan politik dan sosial di China sejak Perang Candu sehingga Gerakan Empat Mei.

[100 markah]

2. "Golongan terpelajar China sejak akhir Wangsa Qing (Ch'ing) hingga ke zaman Republik Rakyat China bersepakat menyokong kepimpinan kerajaan China baik di bawah Maharani Cixi, Sun Yat-sen, Chiang Kai-shek mahupun Mao Zedong. Pada masa yang sama, setiap pemimpin tersebut juga memberi layanan yang baik terhadap golongan terpelajar itu." Sejauh manakah pernyataan ini boleh dipertahankan?

[100 markah]

Bahagian B

3. "Fukuzawa Yukichi mempunyai pandangan yang menarik terhadap tamadun dan ketamadunan tetapi tidak semestinya diterima oleh pemerintah serta masyarakat Jepun." Huraikan.

[100 markah]

4. Pilih mana-mana tokoh dari Asia Tenggara dan analisiskan sikap/pandangan mereka terhadap gagasan Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya sebelum 1945.

[100 markah]

Bahagian C

5. Berdasarkan karya Albert Hourani, *Arabic Thought in the Liberal Age* (1983), nilaiakan sumbangan golongan intelektual Arab kepada kesedaran nasionalisme dan identiti bangsa antara tempoh tahun 1798 hingga 1939.

[100 markah]

...3/-

- 3 -

6. Merujuk kepada pemikiran tokoh-tokoh intelektual Yahudi seperti Rabbi Judah Bibas dan Moses Hess antara tahun 1839 sehingga tahun 1896, perincikan bentuk dan fasa-fasa perubahan ideologi Zionisme yang membawa kepada imigrasi *Aliyah* ke Palestin sejak tahun 1882.

[100 markah]

- oooOooo -